



Kerusi Parlimen: Berjasa runding dengan PM

KOTA BHARU, Jumaat — Biro Politik Berjasa akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bulan depan untuk meminta beberapa kerusi Parlimen kepada parti tersebut dalam pilihanraya umum akan datang.

Menyatakan demikian hari ini, Setiausaha Agung Berjasa, Encik Ismail Haji Ali berkata, satu perwakilan lapan orang diketuai oleh Presiden Parti, Datuk Haji Mohamed Nasir akan menemui Perdana Menteri membincangkan perkara tersebut.

Katanya, perundingan itu terpaksa dilakukan segera sebaik saja majlis tertinggi parti mengadakan mesyuarat awal Januari bagi memutuskan bilangan kerusi Parlimen yang diperlukan oleh parti.

"Ini disebabkan kemungkinan pilihanraya umum akan diadakan tidak lama lagi," katanya.

"Kami tidak berpuas hati dengan jumlah kerusi Parlimen yang diuntukkan kepada kami," katanya lagi.

Bellau berkata Berjasa yakin Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Barisan Na-

sional akan bertolak ansur terhadap permintaan Berjasa.

"Barisan Nasional umpama satu keluarga. Kami menjangka akan menerima sebahagian dari apa yang diminta," jelasnya.

Encik Ismail berkata, Berjasa berpuas hati dengan pemberian kerusi bagi Dewan Undangan Negeri.

Katanya, Berjasa telah melitigandakan kegiatannya sejak tiga atau empat bulan lalu untuk menghadapi kemungkinan pilihanraya yang akan diadakan segera.

"Kami telah menjalankan kajian mendalam terhadap tren undi di negara ini dan juga menganalisis kegiatan peredaran untuk menghadapi pilihanraya," katanya.

Tambahnya lagi, Berjasa akan mengadakan satu seminar politik di Kem Kijang, 10 kilometer dari sini, Januari depan.

Presiden Berjasa, Datuk Haji Mohamed Nasir sebelum ini berkata parti itu akan mengisi calonnya di kubu kuat PAS di Kelantan, Trengganu, Kedah dan Pulau Pinang dalam pilihanraya nanti.

Datuk Musa sebelum ke Tokyo

■ **TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam tersenyum riang bersama isterinya, Datin Maria sebelum berlepas ke Tokyo dan seterusnya ke Amerika Syarikat kerana bercuti lebih dua minggu.

Sebelum berangkat, Datuk Musa yang turut diringi oleh anak-anaknya sempat berbuai dengan Menteri Perumahan Utama, Datuk Fandi Leong dan pegawai-pegawai kanan polis yang turut menghantar beliau di lapangan terbang antarabangsa, Kuala Lumpur di Subang, semalam.

Datuk Musa dijadualkan berada di Tokyo dua atau tiga hari dan akan menemui Perdana Menteri Jepun, Encik Zenko Suzuki.

Selepas itu Datuk Musa dan keluarganya akan menghabiskan cuti di Amerika Syarikat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia